

14/12/1999

Cuepacs sokong konsep perkongsian pintar

KUALA LUMPUR, Isnin - Cuepacs mengalu-alukan kenyataan Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Samsudin Osman, mengenai perkongsian pintar membabitkan tiga pihak iaitu perkhidmatan awam, sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO).

Setiausaha Agungnya, Abd Rahman Manan, berkata ini bagi mengurangkan kos pengurusan dan pada masa yang sama untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan di sektor awam.

"Cuepacs sendiri adalah sebuah badan kebangsaan kesatuan sekerja sektor awam yang sudah lama memainkan peranan mengenai perundingan gaji dan syarat perkhidmatan sektor awam dengan pihak kerajaan.

"Sekarang menjelang alaf baru, Cuepacs bersedia untuk memainkan peranan yang lebih penting bagi membantu kerajaan meningkatkan kualiti dan produktiviti perkhidmatan awam melalui latihan, perbincangan dan gerak kerja yang bersesuaian," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Sehubungan itu, katanya, Cuepacs berharap dalam apa juga program yang membabitkan kepentingan perkhidmatan awam, ia hendaklah dibawa dalam perundingan dan perbincangan.

Beliau berkata, Cuepacs juga mengucapkan terima kasih kepada kerajaan khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan JPA kerana menganggap Cuepacs sebagai rakan kongsi bestari dalam pelaksanaan pengurusan kerajaan.

Sementara itu, Abd Rahman berkata Cuepacs juga mengalu-alukan jaminan Menteri Sumber Manusia yang baru, Datuk Dr Fong Chan Onn untuk meneruskan dasar hubungan yang baik di antara pekerja, majikan dan kerajaan.

Katanya, Cuepacs menyambut baik cadangan Dr Fong untuk memperkenalkan beberapa rancangan dan program latihan bagi mempertingkatkan tahap produktiviti pekerja, khususnya berkaitan dengan teknologi maklumat dan berharap ia dilaksanakan segera pada awal tahun depan.

"Cuepacs sendiri berharap supaya kursus kepemimpinan Kesatuan Sekerja Sektor Awam juga dapat diwujudkan di Intan bagi melahirkan kepemimpinan yang berkesan di alaf baru," katanya.

(END)